

MODUL 10 - ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

1. Maklumat berikut diambil daripada buku Kedai Pintar Choo.


	RM
Inventori pada 1 Januari 2007	8 340
Inventori pada 31 Disember 2007	7 620
Untung kasar	6 950
Kadar pusing ganti inventori	7 kali

Berapakah kos jualan?

- A RM48 650
B RM53 340
C RM55 860
D RM58 380

SPM 2008

2. Rajah berikut digunakan untuk mengukur kecairan sesuatu perniagaan.



Apakah P dan Q?

	P	Q
A	Aset	Liabiliti
B	Aset Semasa	Liabiliti Semasa
C	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
D	Aset Bukan Semasa	Liabiliti Bukan Semasa

SPM 2009

3. Pilih padanan yang **betul** bagi kegunaan nisbah berikut.

	Nisbah	Kegunaan
A	Kadar pusing ganti inventori	Mengukur kecekapan pengurusan inventori
B	Pulangan atas modal	Mengukur kadar untung kasar atas setiap ringgit modal yang dilaburkan
C	Nisbah semasa	Mengukur kemampuan firma menjelaskan hutang jangka panjang
D	Margin	Mengukur peratus untung bersih bagi setiap ringgit jualan

SPM 2009

4. Encik Ali memaklumkan firmanya akan memperoleh untung kasar sebanyak 30 sen bagi setiap RM1 kos jualan.

Apakah analisis nisbah yang digunakan?

- A Margin
B Tokokan
C Nisbah kecairan
D Pulangan atas modal

SPM 2011

5. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Shamsuddin pada 31 Disember 2008.

	RM
Jualan	20 000
Inventori pada 1 Januari 2008	4 000
Inventori pada 31 Disember 2008	2 000
Untung kasar adalah 25% daripada jualan.	

Berapakah kadar pusing ganti inventori perniagaan berkenaan?

- A 7.50 kali
- B 5 kali
- C 4 kali
- D 3.75 kali

SPM 2009

6. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Sejahtera Berhad.

Tahun	Nisbah Semasa
2007	2 : 3
2008	2 : 1

Tafsirkan prestasi syarikat bagi tahun 2008 berbanding tahun 2007.

- A Merosot dan tidak mampu membayar hutang
- B Meningkatkan ke tahap kecairan yang paling baik
- C Merosot tetapi masih mampu membayar hutang
- D Meningkatkan terlalu tinggi dan kurang memberi pulangan

SPM 2009

7. Maklumat berikut diberikan oleh Jaya Enterprise.

	RM
Insurans prabayar	250
Overdraf bank	1 500
Akaun Belum Terima	6 000

Berapakah nisbah semasa Jaya Enterprise?

- A 0.24 : 1
- B 0.29 : 1
- C 3.43 : 1
- D 4.17 : 1

SPM 2010

8. Bintang Enterprise ingin menilai prestasi perniagaannya untuk tahun 2009 dan tahun 2010 berdasarkan maklumat berikut.

Tahun	2009	2010
Peratus untung bersih atas jualan	16%	18%

Pilih faktor yang menyebabkan perubahan dalam peratus tersebut.

- I Harga jualan telah dinaikkan
- II Volum jualan telah bertambah
- III Pengendalian perniagaan bertambah cekap
- IV Kelemahan dalam pengendalian perniagaan

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

SPM 2011

9. Nisbah semasa bagi Syarikat Nikmat ialah 2:1.
Apakah tafsiran yang tepat mengenai nisbah tersebut?
- A Jumlah liabiliti melebihi 2 kali ganda aset
 - B $\frac{2}{3}$ daripada jumlah aset adalah aset semasa
 - C Setiap RM2 nilai aset semasa dapat menjelaskan RM1 nilai liabiliti semasa
 - D Jika RM2 yang dilaburkan, syarikat memperoleh pulangan sebanyak RM1

SPM 2011

10. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Alley.

Tokokan	25%
Margin	10%

Apakah tafsiran daripada maklumat tersebut?

- A Setiap RM1 kos jualan, untung kasar ialah 25 sen
- B Setiap RM1 kos jualan, untung kasar ialah 10 sen
- C Setiap RM1 untung kasar, untung bersih ialah 25 sen
- D Setiap RM1 untung kasar, untung bersih ialah 10 sen

SPM 2012

11. Rumus manakah yang betul?

- A
$$\text{Nisbah semasa} = \frac{\text{Liabiliti Semasa}}{\text{Aset Semasa}}$$
- B
$$\text{Inventori purata} = \frac{\text{Inventori akhir} - \text{Inventori awal}}{2}$$
- C
$$\text{Pulangan atas modal} = \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Modal awal}}$$
- D
$$\text{Kadar pusing ganti inventori} = \frac{\text{Kos jualan}}{\text{Inventori purata}}$$

SPM 2012

12. Petikan Penyata Pendapatan berikut diambil daripada Perniagaan Aman bagi tahun berakhir 30 Jun 2012.

	RM	RM
Jualan bersih		105 700
Tolak: Kos Jualan		
Inventori awal	7 000	
Belian bersih	78 600	
	<u>85 600</u>	
Tolak: Inventori akhir	6 300	
Kos jualan		79 300
Untung kasar		<u>26 400</u>

Berapakah peratus untung kasar atas kos jualan?

- A 24.98%
- B 30.84%
- C 33.29%
- D 33.59%

SPM 2013

13. Pasangan yang manakah betul tentang nisbah dan tafsirannya?

	Nisbah	Tafsiran
A	Pulangan atas modal	Menilai prestasi pengurusan
B	Nisbah semasa	Mengetahui tahap kecairan
C	Tokokan	Menilai kecekapan pengurusan inventori
D	Kadar pusing ganti inventori	Mengetahui kedudukan kewangan

SPM 2014

14. Maklumat berikut berkaitan dengan nisbah semasa dua buah perniagaan.

	Perniagaan Indah	Makmur Enterprise
Nisbah Semasa	2:1	3:1

Apakah tafsiran yang betul menggambarkan kedua-dua perniagaan tersebut?

- A Makmur Enterprise memperoleh kadar keuntungan kasar lebih tinggi berbanding Perniagaan Indah
 B Kedudukan untung keseluruhan Makmur Enterprise adalah lebih baik berbanding Perniagaan Indah
 C Harga jualan Makmur Enterprise lebih tinggi berbanding harga jualan Perniagaan Indah
 D Kedua-dua perniagaan berkemampuan untuk menjelaskan liabiliti semasa

SPM 2013

15. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Azizul pada 31 Disember 2013.

Inventori purata	RM19 000
Untung Kasar	RM42 400
Kadar pusing ganti inventori	4 kali

Berapakah kos jualan?

- A RM93 600
 B RM76 000
 C RM61 400
 D RM47 150

SPM 2014

16. Maklumat berikut diambil daripada buku Syarikat Mawar Sendirian Berhad pada 31 Mac 2014.

	RM
Akaun Belum Terima	15 000
Inventori akhir	5 000
P	10 000
Nisbah semasa syarikat ialah 2:1	

Apakah P?

- A Tunai
 B Bangunan
 C Akaun Belum Bayar
 D Gadai janji

SPM 2014

17. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Syarikat Berkat.

	RM
Kos jualan	53 603
Inventori 1 Ogos 2014	11 260
Inventori 31 Julai 2015	12 610

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 2.25 kali
- B 4.25 kali
- C 4.49 kali
- D 4.76 kali

SPM 2015

18. Firma Ayu Sarah mempunyai nisbah semasa 2:1.

Apakah tafsiran yang betul mengenai maklumat di atas?

- A Firma mempunyai nisbah kecairan yang rendah
- B Firma tidak berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek
- C Setiap RM2 liabiliti semasa, firma mempunyai RM1 aset semasa
- D Setiap RM2 aset semasa, firma dapat membiayai RM1 liabiliti semasa

SPM 2015

19. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan pelbagai firma bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

	Firma Aman	Firma Bakti	Firma Ceria	Firma Damai
	RM	RM	RM	RM
Untung kasar	200 000	170 000	130 000	100 000
Untung bersih	90 000	80 000	95 000	50 000
Modal awal	400 000	500 000	400 000	300 000

Berdasarkan analisis nisbah pulangan atas modal, firma terbaik untuk membuat pelaburan ialah

- A Firma Aman
- B Firma Bakti
- C Firma Ceria
- D Firma Damai

SPM 2015

20. Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Kilang Kain Manisah.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2015	18 000
Inventori pada 31 Disember 2015	27 000
Kos jualan	135 000

Berapakah kadar pusing ganti inventori kilang tersebut?

- A 3 kali
- B 5 kali
- C 6 kali
- D 9 kali

SPM 2016

21. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Alley.

Tokokan	25%
Margin	10%

Apakah tafsiran daripada maklumat tersebut?

- A** Setiap RM1 kos jualan, untung kasar ialah 25 sen
B Setiap RM1 kos jualan, untung kasar ialah 10 sen
C Setiap RM1 untung kasar, untung bersih ialah 25 sen
D Setiap RM1 untung kasar, untung bersih ialah 10 sen
- SPM 2016
22. Apakah tafsiran yang dapat diberikan sekiranya sebuah perniagaan memperoleh tokokan sebanyak 20%?
- A** Setiap RM1 jualan akan menghasilkan untung kasar sebanyak 20 sen
B Setiap RM1 jualan akan menghasilkan untung bersih sebanyak 20 sen
C Setiap RM1 kos jualan akan menghasilkan untung kasar sebanyak 20 sen
D Setiap RM1 kos jualan akan menghasilkan untung bersih sebanyak 20 sen
- SPM 2017
23. Pernyataan manakah yang menerangkan maksud kadar pusing ganti inventori?
- A** Penjualan inventori dan perbelanjaan perniagaan
B Berapa kali inventori dinilai dalam satu tempoh perakaunan
C Berapa kali inventori digantikan dalam satu tempoh perakaunan
D Pusing ganti inventori yang tinggi dapat mengurangkan kos penyimpanan
- SPM 2017
24. Maklumat berikut diperolehi daripada penyata kedudukan kewangan Perniagaan Haji Ahmad bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

	RM
Aset bukan semasa	80 000
Aset semasa	60 000
Liabiliti bukan semasa	40 000
Liabiliti semasa	20 000

Berapakah nisbah semasa?

- A** 1 : 2
B 2 : 1
C 1 : 3
D 3 : 1
- SPM 2018
25. Nisbah semasa bagi Syarikat Bee Honey adalah seperti berikut:

Tahun	2014	2015	2016	2017
Nisbah semasa	14.1:1	14.5:1	15.4:1	15.3:1

Tahun manakah yang menunjukkan keupayaan Syarikat Bee Honey membayar hutang jangka pendeknya paling baik?

- A** 2014
B 2015
C 2016
D 2017
- SPM 2018

26. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Optimus Excel Sendirian Berhad.

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2018	
	RM
Jualan	80 000
- Kos jualan	20 000
Untung kasar	60 000
+ Hasil	5 000
	65 000
- Belanja	25 000
Untung bersih	40 000

Sekiranya anda ingin membuat pelaburan dan menetapkan sasaran pulangan atas modal sebanyak 25%, berapakah modal yang anda perlukan?

- A RM320 000
- B RM240 000
- C RM160 000
- D RM80 000

SPM 2018

27. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Chantek Bella.

	RM
Inventori pada 1 Julai 2017	12 000
Inventori pada 30 Jun 2018	24 000
Kos Jualan	72 000

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 2 kali
- B 3 kali
- C 4 kali
- D 6 kali

SPM 2018

28. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Madam Wong bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

	RM
Inventori awal	10 200
Inventori akhir	12 140
Belian	15 780
Jualan	23 640
Untung kasar	9 800

Berapa peratuskah untung kasar atas kos jualan?

- A 70.8%
- B 62.1%
- C 55.3%
- D 41.5%

SPM 2018

29. Maklumat berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

	RM
Inventori awal	16 876
Inventori akhir	19 564
Kos barang untuk dijual	82 000

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 1.71 kali
- B 1.79 kali
- C 3.43 kali
- D 3.57 kali

SPM 2019

30. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Ashikin.

	RM
Inventori awal	2 150
Inventori akhir	1 800
Aset semasa	12 000
Aset bukan semasa	30 000
Modal kerja	3 190

Berapakah nisbah ujian asid Kedai Ashikin?

- A 0.37 : 1
- B 0.67 : 1
- C 1.12 : 1
- D 1.16 : 1

SPM 2019

31. Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Zaleha dan Aisyah Trading.

	<u>Perniagaan Zaleha</u>	<u>Aisyah Trading</u>
Nisbah semasa	2.5 : 1	1.8 : 1
Pulangan atas modal	25 %	37 %
Kadar pusing ganti inventori	3 kali	5 kali

Berdasarkan analisis nisbah di atas, pilih pernyataan yang **betul**.

- A Perniagaan Zaleha lebih cekap menguruskan perniagaan berbanding Aisyah Trading
- B Pelabur luar lebih berminat untuk melabur dalam Perniagaan Zaleha berbanding Aisyah Trading
- C Aisyah Trading tidak mampu untuk membayar hutang jangka pendek berbanding Perniagaan Zaleha
- D Keupayaan Perniagaan Zaleha membayar hutang jangka pendek adalah lebih tinggi berbanding Aisyah Trading

SPM 2019